

27/10/1997

CHOGM setuju kaji pasaran mata wang

Mior Kamarul Shahid in Edinburgh

EDINBURGH, Ahad - Ketua-Ketua Negara Komanwel bersetuju mengkaji kedudukan pasaran mata wang dan mencari jalan melindungi negara yang tidak stabil akibat kegiatan spekulasi.

Ini termasuk menilai keberkesanan sistem amaran awal sedia ada, dengan matlamat memperbaikinya.

Perkara ini terkandung dalam Deklarasi Ekonomi Komanwel Edinburgh yang dikeluarkan selepas sesi eksekutif menamatkan perbincangan pada hari kedua persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM), di sini lewat petang semalam.

Hari ini, ketua negara daripada 54 negara anggota mengadakan perbincangan sambil berehat di St Andrew, sebuah pusat peranginan dan kelab golf terkemuka di dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah pemimpin paling lantang mengecam tindakan spekulatif dan manipulasi pedagang mata wang menggunakan kuasa wang mereka untuk mengaut untung.

Jumaat lalu, Dr Mahathir membangkitkan perkara itu ketika berucap pada sesi eksekutif dengan menegaskan Malaysia adalah negara yang menjadi mangsa tindakan seperti itu.

Menurutnya, ekonomi Malaysia ketika ini terjejas akibat menghadapi serangan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, selepas 40 tahun bertungkus-lumus, ia dimusnahkan hanya dalam beberapa minggu menerusi peraturan yang diterima pakai hari ini.

Berikutan itu, CHOGM menyokong usaha mengukuhkan mekanisme global dan serantau bagi membantu negara yang menghadapi masalah menguruskan ketidaktentuan modal pasaran.

CHOGM juga menggalakkan perkongsian pintar membabitkan sektor awam dan swasta.

Dalam ucapannya pada sesi eksekutif, Dr Mahathir yakin Komanwel boleh menjayakan perkongsian pintar yang dicadangkan menerusi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID 97) dan Dialog Antarabangsa Barbados (BID).

Negara Komanwel yang berjaya menguruskan pembangunan masing-masing digalakkan membantu negara yang memerlukan dengan menyediakan latihan, mengambil bahagian dalam perusahaan perkongsian pintar dan membantu memasarkan produk.

CHOGM juga mencapai kata sepakat untuk meningkatkan fungsi Komanwel berhubung isu ekonomi dan menyusun semula secara lebih adil hubungan ekonomi antarabangsa.

Mereka juga bersetuju mempertahankan dan meningkatkan bantuan dua hala di kalangan negara anggota dan memastikan pengaliran sumber kepada sekretariat dan pelbagai dana terutama Dana Kerjasama Teknikal Komanwel (CFTC) dan Yayasan Komanwel, Pembelajaran Komanwel (COL) dan Perkongsian bagi Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM).

Selain itu, Chogm yakin pertubuhan itu boleh menjalankan fungsi dinamik untuk memajukan perdagangan dan pelaburan.

Cara itu akan mempercepat pertumbuhan ekonomi dan pembangunan serta membasmi kemiskinan pada abad ke-21.

Deklarasi Ekonomi bertemakan Meningkatkan Kesejahteraan Bersama itu di bahagikan kepada empat bidang iaitu Perdagangan, Pelaburan, Pembangunan dan Alam Sekitar.

Bagi perdagangan, antara lain Chogm merumuskan:

- * Menyokong perluasan pasaran bebas cukai dengan peraturan eksport yang lebih luwes untuk negara kurang maju.

- * Mengukuhkan sistem perdagangan pelbagai hala dalam rangka Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Bagi pelaburan Chogm bersetuju:

- * Menggalakkan pengaliran pelaburan dan melaksanakan pelaburan secara terbuka bagi kegiatan perniagaan disamping memudahkan peraturan birokrasi.

- * Menggalakkan negara pengeksporth modal supaya melonggarkan halangan ke atas pelabur institusi untuk mengambil peluang daripada pasaran baru.

Bagi pembangunan Chogm bersetuju:

- * Membantu membebaskan penduduk di kawasan termiskin menjelang 2015;

- * Berusaha mencari penyelesaian komprehensif terhadap masalah hutang.

Bagi alam sekitar, Chogm bersetuju:

- * Mengesahkan program pelaksanaan Agenda 21 berhubung masalah air tawar, sumber hutan dan pemindahan teknologi ke negara membangun.

(END)